



1. JAWATAN	: PENYELIA GERAKAN KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: C.2 EB.3 (\$1,450 – \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan sebagai Penyelia Gerakan dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- b) Boleh menguasai berbagai bahasa adalah kelebihan.

- c) Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA GERAKAN KANAN:

1. Menyelia pengendalian kargo dan keselamatannya.
2. Membuat pemeriksaan ke atas kargo yang rusak dan laporannya.
3. Mengatur penyimpanan kargo serta mengutip sewanya.
4. Mengawasi pengeluaran kargo-kargo.
5. Menyelia dan mengatur pergerakan alat-alat kelengkapan dan penyewaannya.
6. Mengawas penempatan penambatan kapal-kapal yang merapat.
7. Mengawasi pemeliharaan yang sempurna terhadap alat-alat kelengkapan dan kemudahan-kemudahan pelabuhan.
8. Mengawasi pekerja-pekerja dari sektor-sektor awam yang menggunakan pelabuhan dan alat-alat kelengkapan supaya teratur dan sempurna.